Permohonan Untuk Kelulusan Kod Hasil Dan Perbelanjaan Baru

Kemaskini pada: Selasa, Mac 29 2016

Soalan Lazim

Mengapakah perlu ada penjenisan Kod Hasil dan Perbelanjaan seperti yang digariskan dibawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004?

Arahan-arahan Perbendaharaan 41 menggariskan bahawa Kod Penjenisan Hasil dan Perbelanjaan tidak boleh diwujudkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan. Matlamat-matlamat kod penjenisan diadakan adalah seperti berikut:

- 1. Untuk memudahkan proses merekod dan membuat laporan berkala;
- 2. Untuk membolehkan maklumat-maklumat terperinci dikumpulkan untuk tujuan analisa hasil dan perbelanjaan;
- 3. Untuk memenuhi keperluan sistem perakaunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara; dan
- 4. Untuk memenuhi keperluan Jabatan Perangkaan bagi penyediaan Akaun Negara dengan lebih lengkap

Bilakah Kod hasil atau Kod Perbelanjaan baru perlu diwujudkan?

Kod Hasil atau Perbelanjaan baru hendaklah diwujudkan sekiranya:

- 1. Kod-kod Hasil/Perbelanjaan sedia ada tidak dapat memberi pengelasan yang tepat;
- 2. Kutipan hasil/amaun perbelanjaan adalah nyata (substantial); dan
- 3. Pengelasan hasil/perbelanjaan berkenaan adalah dikehendaki untuk tujuan analisa.

Bagaimana memohon untuk pengujudan Kod Hasil atau Kod Perbelanjaan yang baru?

Rujukan: Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 21 Ogos 2013